

11 MAR 2002

TIMBALAN PM SINGAPURA TIBA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

SEPANG, 11 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong tiba di Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini untuk lawatan empat hari.

Ketibaan beliau disambut oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Lee diiringi tiga anggota Parlimen, Zainudin Nordin, Cedric Foo dan Puan Lim Hwee Hua.

Lee diadual bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohd Najib Razak.

Lee juga akan melawat Pahang dan bertemu Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Menurut Wisma Putra, pelbagai pandangan bagi meningkatkan hubungan dua hala serta pembangunan politik-ekonomi serantau akan dibincangkan pada pertemuan-pertemuan itu.

Lawatan ini adalah sebagai membalas lawatan Dr Mahathir ke Singapura tahun lepas yang dilihat dalam konteks untuk mewujudkan dan menyatukan hubungan antara pemimpin kedua-dua negara.

-- BERNAMA

AKT MFJ LAT